



MOHAMMAD SAID (kiri) bersalaman dengan Muhd. Zull Hanif yang didukung bapanya, Abdul Halim Sulaiman (kanan) di UMP, Kuantan semalam.

Kerusi bermotor istimewa buat sikenit

Oleh SITI ATHIRAH DZULKIFLY
berita@kosmo.com.my

KUANTAN - Hasil cetusan idea Universiti Malaysia Pahang (UMP), sebuah kerusi bermotor yang direka khas untuk kemudahan budak kenit, Muhd. Zull Hanif Abdul Halim, 7, di sekolah telah berjaya disiapkan dan dijangka akan diserahkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Pekan hari ini.

Menurut Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Mohammad Said Mat Lela, kerusi bermotor tersebut telah dicipta

oleh kumpulan pakar terpilih daripada universiti itu sendiri dalam tempoh tidak sampai sebulan.

"Saya berasa berbesar hati kerana TPM sudi untuk menyerahkan kerusi tersebut kepada Zull Hanif di Pekan yang juga merupakan kawasan beliau," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *KOSMO!* ketika menerima kunjungan budak kenit tersebut ke UMP di kampus Gambang di sini semalam.

Katanya, kunjungan Zull Hanif ke UMP itu bertujuan bagi mengukur dan melihat

kesesuaian kerusi berkenaan yang direka khas oleh sekumpulan tenaga pengajar UMP yang diketuai oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Madya Dr. Rosli Abu Bakar.

"Sebelum melakukan kerja-kerja akhir dan membuat sedikit pemeriksaan, kehadiran Zull Hanif ke UMP adalah bagi memberi peluang kepadanya untuk mencuba pakai kerusi tersebut sebelum diserahkan esok," ujar-nya.

Selain itu, beliau menam- bah, walaupun setelah kerusi tersebut diserahkan kepada

Zull Hanif, pihak UMP akan sentiasa memantau dari se- masa ke semasa bagi me- mastikan keadaan kerusi ter- sebut dari segi kadar kela- juan untuk naik turun.

"Di masa akan datang, jika Zull Hanif sudah biasakan diri, bolehlah kita tingkatan tahap kelajuan naik turun ke- rusi berkenaan," ujar-nya.

Selain itu juga, dalam me- mastikan kerusi tersebut mudah diaplikasikan, UMP juga telah menyelaraskannya supaya boleh digerakkan ke belakang dan hadapan agar kedudukan Zull Hanif sele- sa.